



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

27 NOVEMBER 2020

1. Peruntuk RM80j untuk Tabung Bencana Pertanian.
2. Kampung Seri Wangi busuk angkara najis babi
3. Matilda wira. Pertaruh nyawa selamat pesakit di hospital daripada kebakaran

OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Peruntuk RM80j untuk Tabung Bencana Pertanian

Kerajaan bercadang menyediakan peruntukan RM80 juta untuk Tabung Bencana Pertanian dalam usaha membantu golongan berkenaan yang terkesan akibat bencana alam.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata bantuan khas itu dijangka dapat memanfaatkan petani merangkumi pesawah, nelayan dan pengusaha akuakultur, pekebun serta penternak yang kehilangan pengeluaran hasil tanaman.

“Sektor pertanian adalah penyumbang asas kepada pembentukan ekonomi Malaysia dalam menjamin bekalan makanan mencukupi dan selamat kepada rakyat.

“Ia tidak pernah dipinggirkan kerajaan, malah sentiasa menjadi agenda utama dalam memastikan pengusaha dapat meningkatkan taraf hidup dan membantu menambah pendapatan,” katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 peringkat dasar di Dewan Rakyat, semalam.

Tengku Zafrul berkata, kerajaan juga akan menaikkan kadar elauan sara hidup nelayan darat daripada RM200 kepada RM250 sebulan.

Katanya, peningkatan kadar elauan itu akan memanfaatkan 3,400 nelayan darat berdaftar.

“Nelayan berperanan penting dalam meningkatkan pembangunan dan ekonomi industri peri-

Bantuan khas itu dijangka dapat memanfaatkan petani merangkumi pesawah, nelayan dan pengusaha akuakultur, pekebun serta penternak yang hilang pengeluaran hasil tanaman.

*Tengku Zafrul
Tengku Abdul Aziz,
Menteri Kewangan*

kanan, selain membantu memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

“Perdana Menteri sebelum ini sudah mengumumkan kenaikan elauan sara hidup nelayan dari pada RM250 kepada RM300 sebulan yang memanfaatkan lebih 40,000 nelayan.”

“Justeru, kerajaan juga bercadang menaikkan kadar elauan sara hidup nelayan darat,” katanya.

Bagi pekebun kecil getah, Tengku Zafrul berkata, bantuan musim tengkujuh (BMT) akan diteruskan dengan RM300 sebulan akan dibayar bulan depan, Januari 2021 dan Disember 2021.

Kampung Seri Wangi busuk angkara najis babi

Pelbagai usaha dilakukan, masih belum ada penyelesaian

Oleh Rosman Shamsudin
bhnews@bh.com.my

Bidor: Tidak tahan dengan bau daripada kumbahan najis babi sejak puluhan tahun menyebabkan penduduk memberi gelaran atau menamakan kampung mereka dengan nama baruah.

Kampung Kuala Gepai Tambahan yang kini digelar Kampung Seri Wangi terkenal dengan pencemaran bau dipercayai berpunca daripada kumbahan najis babi di kawasan berdekatan.

Penduduk, Nordin Khalipah, 57, berkata sejak 10 tahun membina rumah di tanah lot ini, dia sudah lari dengan bau kumbahan najis babi yang hanya 400 meter dari rumahnya.



Beg dipercayai berisi najis babi bersepadu di kawasan ladang sawit Kampung Kuala Gepai Tambahan, Bidor. (Foto Rosman Shamsudin/BH)

Katanya, bau busuk kuat, biasanya pada jam 10 pagi dan 5 petang dipercayai ketika penteranak melakukan kerja pembersihan kandang.

"Tingkap rumah ini, kami sekeluarga tidak pernah buka kerana tidak tahan dengan bau najis itu. Paling mencabar kesabaran penduduk ketika musim hujan yang mana bau dari kawasan

kumbahan memang busuk sehingga boleh muntah," katanya ketika ditemui dekat sini.

Sementara itu, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Kuala Gepai, Ariffadilah Arifin, 58, berkata ada kira-kira empat kawasan penternakan babi berhampiran kampung terbabit.

Katanya, beliau malu dengan

saudara mara dan rakan apabila mengunjungi kampung ini kerana pencemaran bau ini.

"Bayangkan, kerana tidak tahan dengan bau busuk itu sehingga penduduk terpaksa menukar nama atau menggelar kampung itu dengan nama yang baharu.

"Sebagai pemimpin peringkat kampung pelbagai usaha sudah dilakukan bagi mengatas masalah pencemaran bau di kampung ini, namun sehingga kini belum ada jalan penyelesaian," katanya.

Beliau berkata, bukan hanya pencemaran bau atau udara menghantui penduduk kampung di sini, malah ada saluran paip daripada sisa kumbahan najis itu disalurkan ke sungai berdekatan di kawasan ladang kelapa sawit.

Katanya, Sungai Kenjor yang ada di kampung ini mengair ke Sungai Bidor kini sudah dicemari dengan air kumbahan najis haiwan itu menyebabkan penduduk sejak dahulu tidak pernah menangkap ikan di sungai terbabit.

Matilda wira

Pertaruh nyawa selamat pesakit di hospital daripada kebakaran

Agensi
Moscow

Seekor anjing di Rusia diangkat sebagai wira selepas mempertaruhkan nyawanya bagi menyelamatkan pesakit sebuah hospital daripada kebakaran.

Dalam insiden kebakaran di pusat perubatan swasta, Hospice, wilayah Leningrad, anjing betina yang bunting itu dilaporkan menyalak untuk memberi isyarat mengenai malapetaka sedang berlaku.

Anjing diberikan nama Matilda itu berlari ke bangunan terbakar selepas memberi isyarat itu kepada pemiliknya.

Berdasarkan laporan pertugas perubatan kecemas-

san, Matilda pengsan di dalam bangunan itu kerana keracunan karbon monoksida.

Bagaimanapun, disebabkan isyarat Matilda itu, empat pesakit di bangunan itu berjaya diselamatkan sukarelawan.

Haiwan itu yang melecur teruk pada seluruh anggota badannya, kini dirawat di pusat perlindungan hewan, Vasilek di St Petersburg.

Menurut jurucakap pusat itu, bayi dalam kandungan Matilda terselamat dan membesar dengan sihat.

"Sukar untuk mengesan

MATILDA
dirawat
akibat
melecur
teruk.



berapa jumlah bayi yang dikandung Matilda kerana tubuhnya yang besar.

"Selepas Matilda bernak, haiwan itu tidak dapat menyusukan anaknya kerana badannya masih melecur," katanya dalam portal news18.

Pesakit serta keluarga

mereka menzhirkan penghargaan kepada keberanian wira itu.

Walaupun pesakit di Hospice tidak dapat hidup lama kerana penyakit dialami mereka, namun tindakan Matilda itu menyelamatkan mereka dari padam menjadi mangsa kebakaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.11.2020	KOSMO	NEGARA	16

Ambil peluang sekolah tutup bantu ternak haiwan

Perasaan Kasih Atikah terhadap lembu

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

REMBAU – Bagi sesetengah kanak-kanak seusaia, masa lapang yang ada susulan penutupan sekolah dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diambil untuk bermain selain menelaah pelajaran.

Namun, berbeza bagi Kasih Atikah Basri, 8, apabila masa yang ada itu digunakan untuk membantu bapa saudaranya, Kamarudin Ibrahim, 31, menjaga haiwan-haiwan ternakan.

Kasih Atikah yang merupakan murid tahun dua Sekolah Kebangsaan Sepri dekat sini, mengakui seronok membantu menjaga lembu peliharaan bapa saudaranya itu atau dipanggil Pak Su di Kampung Chembong Kecil.

"Saya seronok sangat dapat tolong Pak Su sebab boleh bermain dengan lembu. Setiap pagi saya akan datang sini pada pukul 10 pagi untuk menjaga lembu yang meragut rumput sekitar kampung.

"Lembu yang saya sayang adalah Putih kerana ia jinak dan tidak garang. Pak Su memberi kebenaran untuk saya memberi minuman air garam kepada lembu yang ada di situ kerana dapat menjinakkan lembu berkenaan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Kasih Atikah berkata, dia meluangkan masa setiap hari bersama kakaknya, Zohaika Basri, 15, termasuk dua orang sepupunya,



KASIH ATIKAH (kanan) memberikan air garam kepada Putih sambil diperhatikan Kamarudin (dua, kanan) di Kampung Chembong Kecil, Rembau semalam.

Aidil Adha Bakari, 12, dan Nur Umairah Bakari, 3, untuk menjaga Putih.

Perkara itu juga dia lakukan pada sebelah petang tetapi hanya selepas kerja sekolah yang diberikan oleh guru disiapkan.

"Selepas menyiapkan kerja sekolah, kami akan bermain bersama dengan Putih dan lembu lain sebelum diletakkan dalam kandang.

"Lembu yang dipelihara Pak Su semua sudah 'enal' kami, jadi tidak takut dan risau sangat untuk bermain," katanya.

Sementara itu, Kamarudin berkata, dia yang mewarisi perternakan lembu daripada arwah bapanya, Ibrahim Mansor berka-

ta, dia gembira melihat anak-anak saudaranya itu gemar menjaga lembu tersebut.

"Sejak kecil lagi, saya membawa mereka berjinak-jinak dengan lembu berkenaan.

"Kebanyakan lembu yang dijaga sudah biasa dengan mereka, jadi tiada masalah untuk tinggalkan mereka. Lebih-lebih lagi Putih yang sudah mesra berbanding lembu lain," katanya.

Dalam pada itu, ujar Kamarudin, sehingga kini, dia mempunyai sebanyak 50 ekor lembu, 30 ekor kambing dan 60 ekor kerbau dengan anggaran nilai keseluruhan haiwan ternakan peliharaannya itu adalah sebanyak RM200,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.11.2020	KOSMO	NEGARA	18

Pembantu penyelia kecewa aduan kepada pihak berkuasa tiada tindakan

Muka berjahit dikejar anjing liar

Isu Setempat

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

PETALING JAYA – Seorang lelaki menerima lima jahitan di muka selain hidungnya patah selepas menjadi mangsa serangan anjing liar berhampiran sebuah bank di Bandar Puteri Puchong, Puchong dekat sini.

Muhammad Amer Hakim Lokman Hakim, 24, berkata, dia dikejar haiwan liar itu ketika dalam perjalanan ke rumahnya dari tempat kerjanya pada pukul 10.20 malam, 14 November lalu.

“Kumpulan anjing itu menyergah dan mengejar saya sehingga terjatuh ke dalam parit sedalam satu meter.

“Ekoran kejadian dikejar anjing, saya dikejarkan ke hospital kerana mengalami kecederaan parah di bahagian muka,” kata-

nya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Dalam kejadian itu, Muhammad Amer Hakim menerima lima jahitan di kening selain tulang mata dan hidungnya patah sehingga perlu menjalani pembedahan.

Disebabkan kejadian itu, pembantu penyelia sebuah syarikat swasta tersebut membuat aduan kepada pihak berkuasa.

Apa yang membuatkan lelaki itu kecewa adalah kerana masih tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak berkuasa terabit.

Jelas pemuda itu, kehadiran anjing-anjing liar di kawasan berkenaan boleh mengancam keselamatan orang ramai terutama pada waktu malam.

“Saya lihat bilangan anjing liar yang berkeliaran di kawasan tersebut makin bertambah. Saya bimbang sekiranya tidak ditangkap ia boleh menyebabkan kejadian tidak diingini seperti yang berlaku ke atas saya,” ujarnya.

BEBERAPA ekor anjing liar berkeliaran di hadapan sebuah bank di Bandar Puteri Puchong, Puchong.




KECEDERAAN yang dialami Muhammad Amer Hakim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.11.2020	HARIAN METRO	LOKAL	3

Bernama

Alor Gajah

Sudah beberapa malam sejak musim tengkujuh, tidur saya tidak lena. Risau banjir berlaku pada waktu malam dan haiwan akan lemas di kandang," luah seorang penternak lembu dan kambing, Sufian Aya, 34, mangsa banjir di Kampung Gadek di sini.

Katanya, sebelum ini kejadian banjir yang sinonim dengan kampungnya itu tidak menjadi masalah buatnya namun bencana itu umpama mimpi negeri bagi dirinya sejak kebelakangan ini.

"Jam 3 pagi tadi (semalam), saya terpaksa mengalihkan 11 lembu dan 20 kambing ke tempat lebih tinggi kerana kandang mereka ditenggelami banjir. Sekarang ini, kesemua haiwan itu terpaksa mencari makanan sendiri.

"Bulan ini sahaja, sudah tiga kali kandang haiwan ternakan saya

Sudah tiga kali kandang haiwan ternakan Sufian ditenggelami air

MALAM TAK LENA

Penternak gusar haiwan ternakan dihanyutkan banjir

ditenggelami air kerana hujan lebat yang berterusan," katanya.

Bagaimanapun ikan keli yang diternak di kolam simen berhampiran kandang lembu dan kambingnya itu tidak dapat diselamatkan kerana ditenggelami air dan dihanyutkan arus deras banjir.

Sementara itu, seorang lagi mangsa banjir Eva Maswati Ibrahim, 43, berkata, perkara pertama yang dirisaukannya setiap kali banjir berlaku adalah keselamatan ibunya, Bidah

Bujang, 68, yang sukar bergerak akibat angin ahmar yang dialami sejak lebih dua tahun.

"Berpindah ke pusat

pemindahan sementara (PPS) adalah pilihan terakhir bagi saya dan keluarga. Semalam, rumah dinaiki banjir sebelum surut namun banjir berulang kembali pada waktu petang.

"Memikirkan keselamatan emak dan nasihat pihak berkuasa, kami sekeluarga sepakat berpindah ke PPS Balai Raya Kampung Gadek. Terima kasih saya ucapkan kepada anggota sukarelawan yang membantu memindahkan kami sekeluarga," katanya.

Seorang warga emas, Che Som Kechut, 80, berkata, setakat ini dia belum membuat keputusan untuk berpindah ke PPS kerana rumah belum dinaiki air kepada paras yang berbahaya.

+

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23.11.2020	NEW STRAITS TIMES	NEWS / NATION	6

STAYING ALOAT

ANIMAL SHELTERS HARD HIT BY PANDEMIC

SPCA raising funds by selling calendar; MAWA seeking donations to build new shelter

PHOTO: DAIM KUALA LUMPUR news@nt.com.my

WHILE Malaysians have turned to the aid of Zoos and amid its financial woes, the national zoo isn't the only casualty of the Covid-19 pandemic.

Animal welfare groups, which have been relying on public and corporate donations to keep their operations afloat, have also been hard hit by the effects of the Movement Control Order and lockdowns, with many seeking support from Malaysians.

Some have resorted to thinking outside the box to raise funds and keep the animals fed and cared for.

The Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) Selangor is banking on the cuteness of dogs and cats adopted at the centre, as well as those owned by

sponsors, in selling its 2021 calendar.

All donations made towards calendar purchases come with SPCA tax-exemption receipts.

Those interested can visit SPCA's Facebook page or the Adoption Centre in Jalan Kerja Ayer Lamai here to buy the calendar at RM25 each, or email to spca.malaysia@gmail.com and arrange for delivery.

SPCA Selangor is home to some 100 rescued dogs and puppies as well as over 80 cats and kittens waiting to be adopted, needing about RM90,000 monthly to keep afloat and care for the animals.

Its chairman, Christine Chin, said the centre included pet food, medical, as well as spaying and neutering strays.

Like other animal shelters, SPCA relies on donations from individuals to help cover costs for its operations, although it has become more challenging for them due to health and safety concerns amid fears of Covid-19, with numerous programmes cancelled and restrictions placed on walk-in guests.

The Malaysian Animal Welfare Association (MAWA) is seeking funds to build a shelter on a plot of land it acquired in Hulu Langat, Selangor.

Founder and president S. Mukunnan, however, said the association was facing challenges in raising the funds needed to complete the construction of the shelter, with the pandemic compounding the problem.

"Mawa has two shelters in different locations. Due to logistic and resource constraints, there is an urgent need to consolidate both shelters, which prompted us to acquire the land."

"However, we don't have enough money to finish the construction of the shelter that is 20 to 30 per cent completed."

"We require RM100,000 for phase one and RM25,000 for phase two of the shelter relocation," he said, adding that the association needs about RM16,000 to cover the monthly operational cost.

In addition, the association has outstanding veterinary bills of RM5,000.

Mukunnan said the association is reaching out to Malaysians to donate to the cause.

Donations can be made to Maybank account 562384524376 (Per-satuan Kebajikan Haiwan Malaysia).

SPCA Selangor is using various means to raise funds, including selling a 2021 calendar. PIC: COURTESY OF SPCA SELANGOR

Christine Chin
S. Mukunnan

23.11.2020

NEW STRAITS TIMES

NEWS / NATION

6

SPCA: Everyone plays a role in protecting strays

AMPANG JAYA: Happy, April and Wilson seemed eager to go for their afternoon rest as their caretaker, Amin Egheledari, 33, stood guard at the gate leading to the kennels, calling each one of them by their name.

The three dogs are among the 160 dogs currently in a home at the Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) Selangor here. All of them, save a few newbies, returned to their kennel without a leash, thanks to training and trust built between them and the staff.

"We make sure that potential foster parents and the dogs are well-acquainted before allowing them to be adopted and find their forever home."

"We make it a point for potential pet owners to come by a few

times to make sure that they are a good match for the dogs.

"Compatibility is essential, as we don't want people coming but not return their dogs."

"We keep an eye on the dogs even after they are adopted to ensure that they have a good life."

He also give advice to owners who are facing issues with them," said Amin, who worked as an electrical engineer.

The Iranian, who has experience in training police dogs in his home country, said he and an SPCA dog trainer would coach strays.

SPCA Selangor chairman Christopher Lai said the environmental organisation strove to provide a better life for strays.

She said everyone played a role in protecting strays and contributed to controlling the ani-

mals' street population, adding that rehabilitation and re-homing were a small part of SPCA's roles.

The catch-neuter-and-release method she said was one of the steps that could be taken to address the overpopulation issue.

The problem occurs when there is a high number of strays in residential areas, where they pose issues to the public.

Municipal councils would catch them and place them in their pounds.

"More often than not, these strays are euthanised as there is not enough space to accommodate a large number of animals."

"The condition of the pounds is not conducive for the strays and they are not welcoming enough to attract people to come and

adopt the animals."

Cris said SPCA was willing to work with councils to improve the condition of their pounds and provide a more comfortable place for strays.

The previous cycle, she said, would be repeated unless people stepped up and played their bit in addressing the issue.

The public can help by ensuring that animals are spayed or neutered to prevent them from being abandoned when owners can't afford to care for the offspring.

She said SPCA had spayed or neutered 1,835 cats and 733 dogs from January to October, with 50 per cent them being females.

Last year, with funds from the public and the Stray-Free Selangor programme, it spayed or neutered 3,903 animals.



Ir
ca
An
Eg
ter
da
Se
ur

Strays rely on kindness of people

KUALA LUMPUR: No effort is too small when it comes to helping strays, as animal lovers Yasmine Baiduri, 28, and Hud Othman, 33, can attest to.

"I once saw a post on Facebook about an independently-run shelter with many cats that was asking for help from the public for money to buy food, cat litter and medication.

"That post touched me, and as a cat lover, I felt I needed to do something.

"I choose to donate to animal shelters because most stray animals, unlike humans, have no one.

"They rely on the kindness of people to give them leftovers. They have nowhere to go.

"I also donate to keep these

shelters running, ensuring stray dogs and cats have someone taking care of them," said Yasmine, who also adopted a cat from an animal shelter in Kota Damansara.

Apart from donating money, she said she also volunteered at an independently-run cat shelter in Shah Alam, Selangor, where she helped clean up the place and played with the cats.

Her friend, Hud, said those who chose to adopt pets must ensure that they were cared for.

"It doesn't end at providing food and a safe environment for our pets.

"It is equally important to care for their health by taking them to the veterinary clinic for vaccinations and spaying or neutering to

curb the overpopulation problem.

"We all have a role to play in providing a better life for stray animals and can help in our own way.

"Some people contribute by being volunteers at animal shelters, some donate food and money, while others adopt strays.

"These responsibilities, if shared among us, would make a world of difference to these animals.

"If we are not able to do any of these things, the least we can do is to leave them alone and not hurt them."

He said he had friends who always kept kibble in their car so that they could feed strays in streets.